

**Deepavali Disambut Meriah Di Seluruh Negara, Najib Hadiri Rumah Terbuka MIC Bernama
13 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Deepavali disambut di seluruh negara Selasa dalam suasana penuh meriah dengan warga Malaysia beragama Hindu mengadakan upacara keagamaan di kuil-kuil dan menerima kunjungan anggota keluarga dan sahabat handai di rumah mereka.

Sambutan di kompleks kuil di Batu Caves di sini adalah antara acara kemuncak pada hari ini dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyertai lebih 10,000 rakyat pelbagai kaum dan latar belakang pada majlis rumah terbuka anjuran MIC.

Orang ramai yang mula berkumpul di perkarangan kompleks itu seawal 8 pagi, dihidangkan dengan pelbagai jenis makanan vegetarian India. Rumah terbuka itu diadakan dari 9 pagi hingga 1 tengah hari.

Dimeriahkan dengan paluan gendang dan seruling India serta cuaca pagi yang nyaman, ketibaan Najib yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) pada kira-kira 10.30 pagi disambut Presiden MIC Datuk Seri G Palanivel, timbalannya Datuk Seri Dr S Subramaniam dan pemimpin-pemimpin parti.

Turut hadir Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim, Duta Khas Malaysia ke India dan Asia Selatan Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Tetamu lain termasuk Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar serta beberapa timbalan menteri, pemimpin politik dan diplomat asing.

Memakai kurta berwarna kuning air dengan seluar warna senada dan sebai berwarna merah, Najib kemudiannya memotong kek Deepavali, diiringi Palanivel, Samy Vellu, Rais dan tetamu kehormat lain.

Sementara itu, pelancong dari Jerman, Andrea Niepalla berkata majlis rumah terbuka Deepavali penuh warna-warni itu amat unik dan mengagumkan, manakala Michel Wilmer dari Switzerland berasa gembira kerana berpeluang menikmati pelbagai juadah kaum India dan kagum dengan keramahan rakyat Malaysia.

"Sungguh seronok berada di Malaysia dan menghadiri majlis yang penduduk pelbagai kaum dan agama meraikannya bersama-sama dengan penuh meriah dan gembira," katanya kepada Bernama.

Di JOHOR BAHRU, cuaca cerah memudahkan penganut Hindu dan juga orang ramai meneruskan tradisi mengunjungi rumah saudara mara dan sahabat handai.

Anggota Dewan Undangan Negeri Permas Datuk M.Munusamy mengadakan rumah terbuka di Taman Rinting di sini.

Orang ramai dan pelancong asing juga dilihat mengunjungi beberapa destinasi popular seperti Taman Tema Legoland Malaysia, Taman Tema Keluarga Puteri Harbour dan Zoo Johor.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir menghadiri beberapa majlis rumah terbuka Deepavali anjuran pemimpin MIC negeri termasuk penasihat hal ehwal kaum India Datuk S.Veerasingam, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk R.Ganesan dan bekas Exco kerajaan negeri Datuk G.Rajoo.

Di PERLIS, Menteri Besar Datuk Seri Dr Md Isa Sabu dan isteri Datin Seri Asiah Asmuni mengunjungi rakan-rakan yang menyambut Deepavali termasuk pesara, K.Arjunan, di Rancangan Perumahan Awam Kangar di sini. Sementara itu, cuti sempena Deepavali dimanfaatkan oleh penduduk untuk berkelah dan di Kuala Perlis, orang ramai bertumpu ke terminal feri untuk ke Pulau Langkawi.

Di KUALA KRAI, Pengerusi MIC Kelantan, M.Kuppusamy berkata golongan kurang bernasib baik tidak dilupakan sempena Deepavali.

"Kita akan edarkan sumbangan berbentuk barangan termasuk memberi 'ang pau' kepada masyarakat India di Parlimen Kuala Krai," katanya kepada Bernama pada majlis rumah terbukanya yang dihadiri ratusan tetamu berbilang kaum.

Cuti umum hari ini juga menyaksikan lokasi seperti Zon Bebas Cukai Rantau Panjang, Pengkalan Kubur, Bukit Bunga dan Pasar Besar Siti Khadijah di Kota Baharu menjadi tumpuan pengunjung.

Di KOTA KINABALU, ribuan rakyat pelbagai kaum mengunjungi rumah terbuka Deepavali peringkat negeri anjuran MIC Sabah di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas dekat sini.

Antara kenamaan yang hadir ialah Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin, Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman, Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Presiden Parti Liberal Demokrasi Datuk VK Liew, Pengerusi Gerakan Sabah Datuk Gordon Leong, menteri-menteri kabinet negeri dan pemimpin masyarakat tempatan.

Pengerusi MIC Sabah Datuk V.Jothi berkata kehadiran rakyat pelbagai kaum dan agama menunjukkan rakyat di negara ini benar-benar mempraktikkan gagasan 1Malaysia yang diilhamkan Perdana Menteri.

"Ini jelas kelihatan bukan sahaja semasa perayaan Deepavali tetapi juga sambutan Hari Raya dan Krismas tidak lama lagi. Inilah antara keunikan dan keistimewaan yang mungkin hanya ada di negara Malaysia," katanya.

Jothi berkata kerajaan memperuntukkan hampir RM300,000 untuk membantu operasi kuil-kuil India di seluruh Sabah, membuktikan kerajaan BN benar-benar membela nasib rakyat Sabah tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708940>